



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

POHONKAN RAHMAT UNTUK SIMATI MELALUI SEMBAHYANG JENAZAH

(Bilangan Pertama)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Apabila berlakunya kematian terdapat empat perkara yang berkaitan dengan pengurusan jenazah yang wajib dilakukan oleh orang yang hidup. Empat perkara itu ialah memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan menguburkan mayat simati. Harapan orang hidup pula ialah semoga simati akan berada dalam rahmat Allah *Ta'ala*, terhindar daripada siksa kubur dan bersemadi dengan tenang di alam barzakh. Maka salah satu cara untuk membantu simati bagi meringankan bebannya di alam berzakh ialah dengan doa yang dibaca ketika menyembahyangkan jenazahnya.

Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ketika bersembahyang ke atas jenazah, Baginda mendoakan orang yang meninggal itu supaya mendapat rahmat dan keampunan. Berdoa untuk mayat adalah tujuan utama dalam sembahyang jenazah.

Secara umum kaifiat sembahyang jenazah berbeza dengan sembahyang-sembahyang yang lain kerana dalam sembahyang jenazah tidak terdapat ruku' dan sujud. Ia dilakukan dengan berdiri sahaja dan dengan empat kali takbir.

Sembahyang ke atas jenazah orang Islam hukumnya adalah *fardhu kifayah* berdasarkan hadits riwayat daripada Ibnu ‘Umar *Radhiallahu ‘anhuma* bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Sembahyanglah kamu ke atas (jenazah) sahabat kamu.*”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Sembahyang jenazah boleh dikerjakan pada bila-bila masa dan tidak makruh mengerjakannya pada waktu-waktu yang ditegah melakukan sembahyang. Ini kerana sembahyang jenazah adalah merupakan antara sembahyang yang mempunyai sebab. Namun, makruh melambatkan sembahyang tersebut sehingga sampai pada waktu-waktu yang ditegah itu.

Syarat-syarat sembahyang jenazah

Syarat-syarat dalam sembahyang jenazah adalah seperti syarat-syarat dalam sembahyang yang lain iaitu menutup aurat, suci daripada hadas kecil dan besar, bersih daripada najis pada badan, pakaian dan tempat sembahyang dan menghadap qiblat.

Sembahyang jenazah memadai jika dilakukan oleh seorang sahaja walaupun dikerjakan oleh seorang kanak-kanak yang mumaiyiz. Ini kerana sembahyang jenazah itu tidak disyaratkan berjemaah akan tetapi sunat hukumnya jika dilakukan secara berjemaah. Tidak memadai jika sembahyang jenazah itu dilakukan oleh perempuan apabila terdapat dari kalangan yang hadir itu kaum lelaki sama ada yang dewasa atau kanak-kanak yang mumaiyiz. Namun jika sekiranya tidak ada kaum lelaki pada ketika sembahyang jenazah itu hendak dilakukan, maka wajib ke atas kaum perempuan melakukan sembahyang jenazah itu. Dalam hal ini, tuntutan *fardhu kifayah* itu sudah dianggap terlaksana. Begitu

juga, sunat ke atas kaum perempuan itu melaksanakan sembahyang jenazah itu secara berjemaah.

Kedudukan imam dan kedudukan jenazah ketika disembahyangkan

Dalam perkara meletakkan jenazah ketika menyembahyangkannya adalah disyaratkan jenazah itu diletakkan di hadapan imam. Begitu juga jika sembahyang jenazah itu dilakukan di atas tanah perkuburan, maka hendaklah kedudukan kubur simati berada di hadapan imam dengan imam itu menghadap ke arah qiblat.

Sunat bagi Imam berdiri menghadap pada bahagian kepala jenazah jika jenazah itu lelaki. Jika jenazah itu perempuan maka sunat imam menghadap pada bahagian pinggul atau tulang rusuk.

Jika jenazah itu lelaki maka afdhal meletakkan kedudukan kepalanya di bahagian sebelah kiri imam dan kedudukan bahagian kakinya di bahagian sebelah kanan imam, jika jenazah itu perempuan maka afdhal meletakkan kedudukan kepalanya di bahagian sebelah kanan bagi imam dan kedudukan kakinya di bahagian sebelah kiri imam seperti mana disebutkan oleh Imam Ibnu Hajar *Rahimahullahu Ta'ala* dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj*.

Jika jenazah itu ramai dan bercampur mayat lelaki, perempuan dan kanak-kanak, maka boleh disembahyangkan secara serentak dengan meletakkan mayat-mayat itu di hadapan imam mengikut keutamaan mereka. Kedudukan mayat lelaki lebih dekat dengan imam, kemudian diikuti mayat kanak-kanak, kemudian diikuti mayat *khuntsa* dan akhirnya diikuti mayat perempuan.

Namun adalah afdhal jika jenazah yang ramai itu disembahyangkan seorang demi seorang. Demikian pendapat al-Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* dalam kitab *al-Majmu'*. Beliau menyatakan bahawa lebih afdhal menyembahyangkan jenazah yang ramai itu seorang demi

seorang kerana akan memperbanyakkan amalan dan amalan yang banyak lebih diharapkan akan diterima.

Dari sudut yang lain, menyembahyangkan mayat seorang demi seorang akan lebih memudahkan kepada makmum yang tidak tahu berbahasa arab, kerana jika mayat yang disembahyangkan itu lebih dari seorang umpamanya, maka akan berubahlah ganti nama yang merujuk kepada mayat yang disembahyangkan yang terkandung di dalam doa sembahyang jenazah itu dan hendaklah ditukar kepada ganti nama dua orang sama ada lelaki atau perempuan, iaitu seperti (... _____). Begitu juga jika jenazah itu ramai dan terdiri dari kalangan orang-orang lelaki, maka doa dalam sembahyang mayat itu hendaklah ditukar kepada ganti nama *jama'* (ramai) bagi lelaki iaitu seperti (... _____). Manakala jika jenazah itu ramai dan terdiri dari kalangan orang-orang perempuan, maka doa dalam sembahyang mayat itu hendaklah ditukar kepada ganti nama *jama'* (ramai) bagi perempuan iaitu seperti (... _____).

Rukun sembahyang jenazah

Rukun sembahyang jenazah ada tujuh perkara, iaitu:

1. Niat

Waktu berniat bagi sembahyang jenazah ini adalah sama seperti mana sembahyang-sembahyang lain iaitu wajib niat itu beriringan dengan *takbiratul ihram*. Memadai niat itu dengan menyebut perkataan *fardhu* sahaja tanpa menyebut perkataan *kifayah*, contohnya:

Ertinya: “Sahaja aku sembahyang ke atas mayat lelaki ini empat takbir *fardhu* kerana Allah Ta‘ala.”

Niat sembahyang bagi jenazah perempuan ialah,

Ertinya: *“Sahaja aku sembahyang ke atas mayat perempuan ini empat takbir fardhu kerana Allah Ta‘ala.”*

Tidak wajib dalam niat itu menentukan atau menyebut nama mayat yang disembahyangkan, umpamanya Zaid atau Umar melainkan dalam niat sembahyang jenazah ghaib. Jika ditentukan nama mayat dalam sembahyang jenazah yang hadir, kemudian nama yang ditentukan itu ternyata salah, maka batal atau tidak sah sembahyang jenazah itu.

Adalah memadai bagi makmum jika berniat dalam sembahyang jenazah dengan niat sembahyang ke atas jenazah yang disembahyangkan oleh imam, contohnya:

Ertinya: *“Sahaja aku sembahyang ke atas jenazah yang disembahyangkan oleh imam empat takbir fardhu menjadi makmum/ mengikut imam kerana Allah Ta‘ala.”*

2. Berdiri

Hendaklah berdiri ketika melakukan sembahyang jenazah bagi yang mampu berdiri.

3. Mengangkat empat kali takbir

Hendaklah dilakukan sembahyang jenazah itu dengan empat kali takbir termasuk *takbiratul ihram*.

4. Membaca surah Al-Fatihah

Selepas takbir pertama iaitu *takbiratul ihram* hendaklah dibaca surah al-Fatihah sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits:

()

Maksudnya: “*Tidak (sah) sembahyang bagi sesiapa yang tidak membaca Fatihah al-Kitab (surah al-Fatihah).*”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

5. Membaca salawat ke atas Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*.

Selepas takbir kedua hendaklah dibaca salawat ke atas Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*. Sekurang-kurang bacaan salawat itu ialah:

Ertinya: “*Ya Allah, limpahkanlah salawat kepada Nabi Muhammad.*”

Adapun mengucapkan salawat ke atas kaum kerabat Baginda seperti bacaan dalam tahiyyyat akhir adalah tidak wajib akan tetapi disunatkan sahaja.

bersambung